

**PENJELASAN JABATAN MUFTI NEGERI PERAK
BERKAITAN ISU PERBEZAAN PENETAPAN IDIL ADHA ANTARA MALAYSIA DAN
ARAB SAUDI SERTAPELAKSANAAN PUASA SUNAT 9 ZULHIJJAH 1439 H**

Berkait dengan perbezaan penetapan Idil Adha antara Malaysia dan Arab Saudi serta pelaksanaan Puasa Sunat 9 Zulhijjah 1439H, jabatan ini mengambil inisiatif untuk menjelaskan hal ini kepada masyarakat ramai.

HARI RAYA IDIL ADHA SABIT DENGAN RU'YAH HILAL ZULHIJJAH

Bermula 16 Jun 1994 Majlis Raja-raja dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu kali ke-167 bersetuju menggunakan kaedah Rukyah dan Hisab berdasarkan Imkanur Ru'yah dalam penetapan hari raya Idil Adha. Dengan itu juga kaedah penetapan Hari Raya Idil Adha telah diselaraskan dengan kaedah penentuan 1 Ramadhan dan Hari Raya Idil Fitri telah diselaraskan berdasarkan kaedah dan syarat yang sama. Sebelum itu Malaysia cuma berpandukan perisyntiharhan hari wukuf oleh kerajaan Arab Saudi. Keputusan ini berdasarkan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam muzakarah kali-30 pada 20 Ogos 1992 menyatakan :

" Kaedah penetapan Idil Adha di Malaysia yang berdasarkan tarikh hari wukuf di Arafah dipinda kepada kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah kerana kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah lebih sesuai diamalkan di negara ini."

Kaedah ini adalah berdasarkan beberapa hujah antaranya :

1. Ia berdasarkan hadis dari Abdul Rahman bin Ya'mur, sabda Nabi Muhammad SAW :

" أَنَّ أَنَاسًا مِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ أَتَوْا رَسُولَ اللَّهِ وَهُوَ بِعِرْفٍ فَسَأَلُوهُ فَأَمَرَ نَادِيَاهُ فَنَادَى الْمَجَامِعَ

عِرْفٌ ..

Bermaksud : " Ada beberapa lelaki daripada ahli Najd berjumpa dengan Rasul SAW, dan ketika itu Rasul SAW berada di Arafah. Maka mereka bertanya kepada Rasul SAW (mengenai haji). Kemudian Rasul SAW memerintahkan seorang penyeru, maka berserulah dia ..الحج عرفة.." "

(Riwayat Tarmizi)¹

Berdasarkan kitab *Tuhfatul Ahwazi* lil Imam al-Hafiz Muhammad Abdul Rahman bin Abd. Rahim Bisyarhi Jamiul Tarmizi, Sheikh Izzuddin Abd. Salam menghuraikan lafaz".."الحج عرفة.." ialah ibadah haji sempurna dengan wukuf di Arafah. Imam As-Syaukani pula berkata "الحج عرفة.." bermaksud ibadah haji itu sah bagi sesiapa yang dapat wukuf di Arafah.

Maka berdasarkan pendapat ulamak hadis di atas tidak menunjukkan sebarang isyarat yang menunjukkan Hari Raya Idil Adha itu tertakluk kepada perisytiharan wukuf di Arafah. Hadis di atas cuma menekankan tentang hukum dan kepentingan wukuf dalam ibadah haji dan masanya. Hadis di atas juga dengan sendirinya menunjukkan perisytiharan wukuf di Arafah oleh kerajaan Arab Saudi tiada kaitan dengan penetapan Hari Raya Idil Adha khususnya di Malaysia.²

2. Ia berdasarkan hadis dari Ummu Salamah iaitu :

"أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا رَأَيْتُمْ هَلَالَ ذِي الْحِجَةِ، وَأَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يَضْحَى، فَلَا يَمْسِكُ عَنْ شَعْرِهِ وَأَظْفَارِهِ"

"يَضْحَى، فَلَا يَمْسِكُ عَنْ شَعْرِهِ وَأَظْفَارِهِ"

¹Imam al-Tirmizi. Sunan al-Tirmizi. Kitabul Hajj an Rasulullah saw. hadis no. 889
<http://www.islamweb.net/>

²S.S Dato As-Sheikh Haji Nooh Bin Gadut (2003), Hadis al-Hajj Arafah dan Ibadat Sunat 9 Zulhijjah yang telah dibentangkan dlm Muzakarah Falak di Corus Paradise Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bermaksud : “ Apabila kamu melihat Hilal Zulhijjah dan di kalangan kamu yang mahu berqurban maka hendaklah dia (orang yang hendak melakukan qurban itu) jangan membuang rambut dan kukunya.”³

(Riwayat Jamaah kecuali Bukhari)

Masa bermulanya qurban itu ialah pada 10 Zulhijjah dan diikuti 11,12 dan 13 Zulhijjah seperti mana yang di sebutkan dalam hadis dari Abi Hurairah r.a :

" الصوم يوم تصومون والفتر يوم نفطرون والأضحى يوم تضحون ."

Bermaksud : Bahawa Nabi saw telah bersabda : “ Berpuasa pada hari kamu berpuasa (Ramadan), hari raya (Idil Fitri) pada hari kamu berhari raya (Syawal), dan hari raya (Idil Adha) pada hari kamu menyembelih (berqurban).”⁴

(Riwayat Tirmizi)

Hadis ini memberikan kita petunjuk bahawa untuk menetapkan tarikh qurban (Idil Adha) kita perlu merukyah hilal Zulhijjah (إذا رأيتم هلال ذي الحجة، وأراد أحدكم أن يضحي).

Hadis Abu Hurairah ini menetapkan ibadah qurban itu bermula dari Hari Idil Adha iaitu 10 Zulhijjah dan seterusnya hari-hari tasyrik iaitu 11,12, dan 13 Zulhijjah. Ia juga menunjukkan masa ibadah Qurban ditempat selain Arab Saudi itu tidak terikat dengan masa wukuf di Arafah.

Kaedah rukyah untuk mensabitkan hari Idil Adha ini merupakan satu kaedah yang mesti dilakukan di setiap negeri Tentunya bagi negara yang berjauhan perlu menjalankan rukyahnya sendiri dan tidak terikat kepada perisyiharan wukuf di Arafah.

³<http://www.dorar.net/hadith.php>

⁴Imam al-Tirmizi.Sunan al-Tirmizi.Kitabul Shaum an Rasulullah saw. hadis no. 697
<http://www.islamweb.net/>. Berkata Imam Tirmizi hadis ini adalah Hasan Gharib.

3. Dalam mazhab Syafie perbezaan matlak atau jarak di antara negara juga mempengaruhi kenampakan hilal. Diriwayatkan oleh Imam Muslim⁵ dalam kitab sahihnya tentang perbualan antara Kuraib dan Ibnu Abbas. Kuraib telah menceritakan bahawa Ibnu Abbas telah bertanya kepadanya yang baru kembali ke Madinah setelah menemui Muawiyah di Syam berkenaan kenampakan hilal di sana :

" فَقَالَ مَتَى رَأَيْتُمُ الْهَلَالَ فَقَلْتُ رَأَيْنَاهُ لِيَلَةَ الْجُمُعَةِ فَقَالَ أَنْتَ رَأَيْتَهُ فَقَلْتُ نَعَمْ وَرَآهُ النَّاسُ وَصَامُوا وَصَامَ مَعَاوِيَةُ فَقَالَ لَكُنَا رَأَيْنَاهُ لِيَلَةَ السَّبْتِ فَلَا نَزَالُ نَصُومُ حَتَّىٰ نَكْمِلَ ثَلَاثِينَ أَوْ نَرَاهُ فَقَلْتُ أَوْ لَا تَكْتُفِي بِرَؤْيَةِ مَعَاوِيَةِ وَصَيَامَهُ فَقَالَ لَا هَكُذَا أَمْرَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ ."

Bermaksud : Ibnu Abbas bertanya : " Bilakah kamu melihat hilal ?" Aku pun menjawab : " Kami melihatnya pada malam Jumaat." Ibnu Abbas lantas bertanya lagi: " Adakah engkau sendiri melihatnya ?" Aku menjawab : " Ya, orang lain pun melihatnya dan mereka pun berpuasa, Muawiyah pun berpuasa," Ibnu Abbas berkata : " Kami di sini melihat hilal Ramadhan pada malam Sabtu dan kami terus berpuasa hingga kami sempurnakan 30 hari atau hingga kami melihat hilal Syawal." Aku bertanya : " Tidakkah memadai bagi kamu hilal itu dilihat oleh Muawiyah dan puasanya?" Ibnu Abbas menjawab : " Tidak! Beginilah Rasul SAW menyuruh kami."

Hadis ini menunjukkan Ibnu Abbas tidak mengambil kira keputusan untuk berpuasa di Syam. Sebaliknya beliau berpegang dengan keputusan rukyah di Madinah tanpa terikat dengan keputusan Muawiyah di Syam. Berdasarkan kajian ilmu falak pula sebuah negeri itu mempunyai matlak yang berbeza bila beza longitudnya melebihi 8° . Ataupun beza waktu terbenam matahari diantara 2 tempat itu melebihi 32 minit.

⁵Imam Muslim. Shahih Muslim. Kitab al-Shiam. Bab bayan anna likulli baladin ru'yatihim. Hadis no. 1087. <http://www.islamweb.net/>

SUNAT BERPUASA PADA 9 ZULHIJJAH

Puasa hari Arafah ialah pada 9 Zulhijjah sepetimana yang diriwayatkan oleh Imam Muslim :

" وَسَلَّمَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ عُرْفَةٍ فَقَالَ يَكْفُرُ النَّاسُ الْمُاضِيَةُ وَالْبَاقِيَةُ "

Bermaksud : " Ditanya kepada Rasulullah SAW berhubung puasa pada hari Arafah, maka Rasul SAW bersabda, berpuasa pada hari Arafah menghapuskan dosa orang yang berpuasa itu setahun sebelumnya dan setahun selepasnya."

Imam Nawawi dalam menyatakan siapakah yang disunatkan untuk berpuasa Arafah dan waktunya, beliau telah menyatakan :

" وَصَوْمُ يَوْمِ عُرْفَةٍ وَهُوَ تَاسِعُ ذِي الْحِجَّةِ لِغَيْرِ الْحَاجِ خَبْرُ مُسْلِمٍ ."

Bermaksud : " Dan berpuasa pada hari Arafah itu ialah pada 9 Zulhijjah bagi orang yang tidak mengerjakan haji berdasarkan hadis dari Imam Muslim.."

Maka dalam melaksanakan puasa hari Arafah ini kita sebenarnya tidak terikat dengan keputusan hari wukuf di Arafah. Ini kerana penentuan 9 Zulhijjah di Malaysia dan Arab Saudi mungkin berbeza, iaitu berdasarkan keputusan ru'yah pada 29 Zulkaedah seperti yang disebutkan sebelumini.

Maka kita yang berada di Malaysia perlulah berpuasa mengikut ketetapan awal bulan Zulhijjah berdasarkan keputusan rukyah di Malaysia. Maka wajib bagi kita di Malaysia untuk mengikut keputusan pemerintah dalam penetapan tarikh seperti yang disebut dalam kaedah fiqh :

Bermaksud :"Apabila keputusan telah dibuat oleh pemerintah maka tidak ada khilaf lagi."

ULASAN ISU

Kerajaan Malaysia melalui Penyimpan Mohor Besar Raja-raja telah mengisyiharkan bahawa 1 Zulhijjah 1439 H adalah bersamaan dengan 13 Ogos 2018 (Isnin). Kerajaan Arab Saudi melalui kenyataan rasmi oleh al-Mahkamah al-Ulya pula telah mengisyiharkan 1 Zulhijjah 1439 H adalah bersamaan dengan 12 Ogos 2018 (Ahad). Perbezaan ini berpunca dari keputusan ru'yah hilal di Malaysia dan Arab Saudi. Hasil keputusan ru'yah di Malaysia pada 29 Zulkaedah 1439H bersamaan dengan 11 Ogos 2018M, menunjukkan bahawa hilal tidak kelihatan. Manakala hasil ru'yah di Arab Saudi pada hari yang sama, menunjukkan hilal telah kelihatan berdasarkan penyaksian. Berdasarkan hasil ru'yah inilah, perbezaan penetapan 1 Zulhijjah 1439H berlaku.

Perbezaan data hilal di antara Perak, Malaysia dan Mekah, Arab Saudi.

Lokasi	Matahari Terbenam	Bulan Terbenam	Tinggi Hilal (2°)	Jarak Lengkung (3°)	Umur Bulan (8 jam)
Perak	19:31	19:32	00° 04' 08"	00° 54' 04"	1 j 35 m
Mekah	18:57	19:09	02° 12' 30"	03° 33' 59"	6 j 11 m

Berdasarkan hisab falak data kenampakan hilal bagi kedua negara adalah berbeza. Bagi Perak, Malaysia (rujuk jadual di atas) kesimpulan dari ketinggian, jarak lengkung antara Matahari dan Bulan dan umur hilal selepas matahari terbenam **tidak memenuhi syarat minimum** kebolehnampakan hilal. Walaubagaimanapun, bagi Arab Saudi data kenampakan hilal adalah **memenuhi syarat** untuk keboleh nampakan hilal dengan merujuk ketinggian hilal dan jarak lengkung antara Matahari dan Bulan. Walaupun umur hilal di Mekah, Arab Saudi masih tidak memenuhi syarat kenampakan, 2 syarat kenampakan iaitu ketinggian dan jarak lengkung telah memadai.

Perbezaan matla' juga wujud antara Malaysia dan Arab Saudi yang menyebabkan Malaysia tidak boleh mengikut hasil ru'yah Arab Saudi. Ini berdasarkan jarak Malaysia dan Arab Saudi yang melebihi 6000 km dan perbezaan waktu yang besar iaitu 5 jam bersamaan dengan beza longitud Malaysia (120°) dan Arab Saudi (45°) iaitu 75 darjah.

Penetapan 1 Zulhijjah 1439 H bersamaan 13 Ogos 2018M juga selari dengan keputusan negara-negara di Asia Tenggara yang lain merangkumi Brunei, Singapura dan Indonesia. Malah perbezaan tarikh 9 dan 10 Zulhijjah ini juga telah berlaku pada tahun 1425H /2005M dan 1435H/2014M.

Maka berdasarkan maklumat di atas, umat Islam di Malaysia khususnya di negeri Perak akan berhari Raya pada 22 Ogos 2018M bersamaan dengan 10 Zulhijjah 1439H. Manakala bagi mereka yang mahu berpuasa pula boleh berpuasa pada 21 Ogos 2018M bersamaan dengan 9 Zulhijjah 1439H (rujuk jadual di bawah). Bagi rakyat Malaysia yang berada di Mekah, maka perlulah mengikuti pengisytiharan tarikh dan hari wukuf dan hari Idil Adha di sana.

Jadual menunjukkan tarikh 1, 9 dan 10 Zulhijjah 1439 H berdasarkan Kaedah Ru'yah dan Hisab pada tarikh 29 Zulkaedah 1439H.

Tarikh Hijri	Tarikh Masihi	Hari
1 Zulhijjah 1439 H	13 Ogos 2018M	Isnin
9 Zulhijjah 1439 H	21 Ogos 2018M	Selasa
10 Zulhijjah 1439 H	22 Ogos 2018M	Rabu

Jabatan Mufti Negeri Perak

5 Zulhijjah 1439 H / 17 Ogos 2018M